

Terjemahan: Apakah orang-orang kafir tidak mengetahui bahwa langit dan bumi, keduanya, dahulu menyatu, kemudian Kami memisahkan keduanya dan Kami menjadikan segala sesuatu yang hidup berasal dari air? Maka, tidakkah mereka beriman? (al Anbiyaa :30).

Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW yang membimbing sahabat cara memanfaatkan air secara berhemah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا (أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِسَعْدٍ وَهُوَ يَتَوَضَّأُ فَقَالَ : مَا هَذَا السَّرْفُ يَا سَعْدُ ؟ قَالَ : أَيْنِ الْوَضُوءِ سَرْفٌ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، وَإِنْ كُنْتَ عَلَى نَهْرٍ جَارٍ) . رواه أحمد وابن ماجه قال الشيخ أحمد شاكر : إسناده صحيح

Nabi s.a.w melewati Sa'ad ketika beliau sedang berwuduk dan berkata, "Apakah pemborosan ini wahai Sa'd? Said bertanya "Adakah berlebihan dalam wuduk?" Baginda menjawab "Ya, walaupun kamu berada di tepi sungai yang mengalir."

Antara aspek terpenting dalam tafsir al Quran ialah mengaitkan teks dengan kontekstualisasi untuk mudah difahami dan dihadami oleh para hamba Allah dan ummat Muhammad S.A.W. terutama di Indonesia, Nusantara dan seluruh pelusuk alam. Keluasan dan kedalaman pengetahuan Buya Hamka membicarakan tajuk ini kerana dua keistimewaan beliau; Pertama minat membaca pelbagai ilmu dan kedua mengembara ke merata tempat timur dan barat, Selatan dan utara dunia. Beliau amati dan kutip serta menulis tentang banyak sungai dan laut sebagai kandungan karya agung beliau ini seperti tercatat mengenai peranan air dalam pelbagai bidang kehidupan penduduk negara Indonesia dan kota -kota besar di pelbagai negeri dan negara semenjak dahulu hingga dewasa ini.

Objektif kajian ini adalah untuk 1) menzahirkan aspek ketuhanan yang berkaitan dengan air sebagaimana dihuraikan dalam Tafsir al-Azhar oleh Buya HAMKA, di samping 2) memperlihatkan kemukjizatan al-Quran dalam menggambarkan air sebagai asas kelangsungan kehidupan di seluruh alam melalui beberapa ayat terpilih. Selain itu, kajian ini juga bertujuan 3) meneroka kepentingan air dalam menjamin kelangsungan hidup semua makhluk, dengan memberikan tumpuan khusus kepada konteks Indonesia dan rantau Nusantara yang kaya dengan khazanah alam serta warisan budaya.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa Sorotan Literatur yang berkaitan tajuk artikel ini tetapi yang paling dekat dengan artikel ini ialah Air Dalam Tafsir Al-Azhar: Kajian Ayat Siklus Air dengan Pendekatan Hidrologi. Ia berkenaan bencana alam yang berhubungan dengan air yang kerap terjadi di Indonesia, seperti banjir dan kekeringan. Para pakar menyebutkan salah satu faktor utamanya adalah gangguan pada siklus air. Untuk mengurangkan bencana-bencana itu terjadi, diharuskan untuk lebih memperkenalkan siklus air kepada khalayak umum agar bisa lebih dimengerti bahwasanya siklus air sangat dipengaruhi oleh kegiatan dan aktiviti manusia. Siklus hidrologi adalah sirkulasi air tanpa henti dari atmosfer ke bumi dan kembali lagi ke bumi melalui proses kondensi, presipitasi, evaporasi dan transpirasi. Penelitian ini bertujuan untuk menguraikan lebih dalam mengenai ayat siklus air dalam tafsir Al-Azhar, dengan pendekatan hidrologi menggunakan teori Chay Asdak mengenai siklus air.

Siklus air menurut tafsir Al-Azhar terbagi menjadi tiga tahap:

Pertama, tahap menguapnya air dari lautan ke atmosfer yang banyak dipengaruhi oleh cahaya matahari dan energi angin;

Kedua, tahap air turun dari atmosfer ke bumi yang mencakup proses pengembunan, berpindahnya awan dari satu tempat ke tempat lainnya dan presipitasi (hujan);

Ketiga, tahap aliran air di bumi yang mencakup proses infiltrasi, limpasan dan aliran permukaan. (Iffaty Zamimah Hilma Nurlaila Azhari Jun 2022)

KAEDAH PENYELIDIKAN

Pengkaji telah mengguna pakai Manhaj Maktabi ataupun Analisa kandungan dengan merujuk Tafsir al Azhar sebagai rujukan induk dan sebarang rujukan berkaitan seperti buku karya pengkaji-pengkaji terdahulu, artikel dari pelbagai jurnal dan pelbagai laman sesawang termasuk facebook, youtube, tiktok dan lain lain, berkaitan air yang dinyatakan almarhum Prof Hamka, untuk manfaat penulis dan pembaca mengetahui pelbagai lokasi secara online dan tanpa melawati kerana kemudahan sains teklonologi mendekatkan yang jauh dua jengkal di depan mata dalam bentuk mobil; pejabat, branda rumah, dalam bilik berhawa dingin, tepi Pantai, tebing Sungai, bawah pokok dan lain lain. dan mungkin juga di mana mana tempat untuk menjamu mata menuntun sungai, bukit dengan segala keindahan, kesejahteraan para

penghuni, di seluruh lokasi yang dicatatkan Buya Hamka dengan hanya jentikan hujung jari. Berdasarkan kekayaan ilmu dan keluasan tafsiran, penulis tertanya-tanya kemungkinan beliau pernah menziarahi sesetengah lokasi atau barang kali juga beliau minat membaca berkenaan pelbagai tempat; dalam dan luar negara. Penulis tidak mempunyai sebarang dalil untuk mengiakan salah satu kemungkinan tadi. Sujujurnya menggunakan sains dan teknologi menyebabkan penulis terkesima dan teruja untuk beralih dari youtube kepada you tube lain sehingga mimpikan sebuah pengembaraan ke destinasi dalam penulisan ini demi 'ilmul yaqin dan ainul yaqin'. Demikian juga harapan penulis kepada para pembaca budiman.

DAPATAN DAN DISKUSI

Dalam karya agung ini, Buya Hamka menggariskan beberapa kontek Induk seperti berikut:

1. Penciptaan manusia dari air yang sangat hina

Ia dijelaskan dengan pendekatan tafsir yang berpadu antara keilmuan agama, logika, dan nilai moral-spiritual. Istilah "air yang hina" merujuk kepada nutfah sebagaimana disebut dalam beberapa ayat Al-Qur'an, misalnya: **أَلَمْ يَكُنْ مِنْ مَّنِيٍّ يُمْنَىٰ نُطْفَةٌ** Terjemahan "Bukankah dia dahulu setetes air mani yang ditumpahkan?" (Surah Al-Qiyamah: 37) (Hamka, 1989). dan firman Allah S.W.T. yang bermaksud "Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina." (Surah As-Sajdah: 8) (Hamka, 1989).

Penjelasan beliau adalah seperti berikut:

I. Asal Usul Manusia yang Rendah: Beliau menekankan bahwa manusia berasal dari sesuatu yang sangat rendah nilainya di mata manusia – air mani yang kotor dan lemah apabila dipandang secara zahir. Hal ini menunjukkan kehinaan asal kejadian manusia, agar manusia tidak sombong terhadap dirinya (Hamka, 1989). Beliau memetik ulasan ini dari tafsiran al Razi yakni cecair yang keluar dari saluran najis sangat tidak patut memberontak terhadap Allah s.w.t. (Razi, 1981).

II. Peringatan Terhadap Kesombongan: beliau mengaitkan ayat-ayat ini sebagai teguran terhadap kesombongan manusia. Walaupun manusia boleh menjadi maharaja, raja, pemimpin, ilmuwan, hartawan dan banyak lagi, tetapi ia berasal dari setetes air yang rendah, dan akhirnya kembali menjadi tanah. Maka manusia seharusnya tunduk dan insaf akan kejadiannya, bukan bersikap angkuh dan bongkak. (Hamka, 1989). Bahkan beliau menyanggah

theory Darwin yang mendakwa asal manusia dari monyet, berasaskan hujjah 'inheritance' (keturunan iaitu manusia turun temurun berasal dari manusia juga secara berterusan. Hujjah ini dikemukakan Syed Qutb dalam karya agung 'fi zilaalilquran' (Hamka, 1989).

III. Kebesaran Allah dalam Penciptaan: Dari Nutfah yang hina, Allah menciptakan manusia yang sempurna – lengkap dengan akal, hati, dan pancaindera. Beliau menekankan kekuasaan dan keagungan Allah dalam proses kejadian ini. Ia mengajak pembaca untuk merenung betapa hebat ciptaan Allah, walau dimulai dari sesuatu yang hina bahkan harus bersyukur serta menjadi golongan minoriti. (Hamka, 1989).

IV. Tamsilan Nilai Spiritual: dalam dimensi tasawuf dan spiritual, Hamka menyiratkan bahawa nilai manusia bukan pada asal jasadnya, tetapi pada kerohaniannya, amal perbuatannya, dan hubungannya dengan Allah SWT. Manusia yang ingkar atau kufur dianggap lebih rendah daripada haiwan, kerana tidak mengenal Penciptanya. (Hamka, 1989).

2. Air Sebagai Asal Kejadian Hidup.

Hamka sering merujuk kepada beberapa ayat seperti: "Dan Kami jadikan dari air segala sesuatu yang hidup" (Surah Al-Anbiyaa': 30) yang menunjukkan keagungan ciptaan Allah dan menjadi hujah terhadap kewujudan Tuhan yang Maha Bijaksana. Firman ini adalah suatu penjelasan yang amat penting dari Tuhan tentang sebab-sebab adanya hidup. Hasil penyelidikan bahawa air adalah penyebab pertama dari timbulnya hidup adalah research / selidik yang amat penting, bahkan puncak dari ilmu hayat.

Kemajuan penyelidikan itu menemui puncak kebenarannya, yaitu hidup pertama itu dimulai dengan adanya air. Tidak ada air, tidak mungkin ada hidup. Alat-alat penyelidikan ruang angkasa telah diperbuat untuk menyelidiki adakah agaknya air di bintang lain. Di bulan sudah terang tidak ada air, sebab di sana tak ada hidup. Di sini, beliau menjerka theory 'evolusi' Darwinism kerana asal segala kejadian semua makhluk terutama kejadian manusia adalah berasal dari air kerana alkhaliq menyatakan demikian berulang ulang di dalam al Quran. (Hamka, 1989).

3. Air sebagai Rahmat Allah.

Dalam menafsirkan surah An-Nahl ayat 16, dan surah Az-Zumar ayat 21, Hamka menghuraikan air hujan sebagai bentuk rahmat dan rezeki daripada

Allah. Ia adalah manifestasi kasih sayang Allah SWT. kepada para makhluk-Nya dengan memberi air untuk tumbuhan, haiwan dan manusia . (Hamka, 1989).

4. Air Sebagai Ujian dan Azab

Seperti dalam kisah banjir Nabi Nuh AS. surah Hud ayat 38, al Haaqah ayat 11 dan seumpamanya, beliau menegaskan bahawa apa yang menjadi rahmat juga boleh menjadi azab jika manusia melampaui batas atau kufur nikmat. (Hamka, 1989).

I. Air sebagai Faktor Ekonomi dan Politik.

Beliau menyentuh peranan air sebagai faktor strategik yakni banyak bandar besar dibina berhampiran sungai dan laut bahkan banyak pelabuhan utama muncul di muara sungai atau tepian laut seperti di Basrah, Alexandria, Venice, dan Selat Melaka. Pokoknya air lah menjadi pemangkin perdagangan antarabangsa dan hubungan diplomatik. Contohnya tafsiran beliau mengenai “Tidakkah engkau lihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air itu buah-buahan dari bumi...” (Surah Al-Baqarah: 22) (Hamka, 1989).

Hamka menjelaskan bahawa pertumbuhan kota besar bergantung kepada air, dan di situlah berkembang pasar, pertanian, industry bahkan penghijrahan seperti penghijrahan besar besaran orang Cina ke seluruh dunia sekitar kurun 16-18 masihi terutama Rantau Nusantara . Bahkan beliau menegaskan bahawa bandar tanpa air akan binasa dan pasti mati kerana ketiadaan Ibu segala kehidupan iaitu AIR. Beliau juga memberi peringatan bahawa kekurangan air atau bencana air seperti banjir besar, kekeringan, atau pencemaran boleh menyebabkan kehancuran bandar atau keruntuhan tamadun seperti keruntuhan Kerajaan Saba’ ayat 16, angkara tikus yang mengorek lubang lubang kecil sedikit demi sedikit akhirnya meruntuhkan air simpanan ampangan membocor ditekan oleh air yang menggelora dari atas menghimpitnya, sehingga runtuhlah bendungan itu dan hancur (Hamka, 1989).

II. Air sebagai Amanah dan Tanggungjawab Sosial.

Hamka memperingatkan bahawa manusia sebagai pengguna utama tidak boleh tamak dalam mengurus sumber air. Pembangunan bandar mesti disertai dengan keadilan dalam pembahagian sumber air agar tidak menindas

golongan miskin. Contoh-contoh Petikan Tafsir: • Surah Al-Waqi'ah ayat 68–70 (Air yang diminum) • Surah Al-Mu'minun ayat 18–20 (Hujan yang menumbuhkan kebun)

5. Air dalam Konteks Ibadah dan Kesucian

Dalam konteks taharah, air adalah alat penting untuk wudhu', mandi wajib, dan bersuci. Beliau mengaitkannya dengan kebersihan lahir dan batin, mencerminkan pentingnya kesucian dalam kehidupan Muslim seperti surah al Nisaa ayat 43. (Hamka, 1989).

6. Air dan Kitaran Alam

Hamka sering membawa pelbagai unsur sains alami dalam tafsirnya. Beliau menjelaskan kitaran hujan, sungai, dan lautan sebagai bukti keteraturan sistem ciptaan Allah S.W.T. Ini membuktikan bahawa Al-Qur'an bukan hanya kitab petunjuk spiritual sahaja, tetapi juga menyentuh realiti saintifik seperti surah Ra'd ayat 17 dan surah al mursalat ayat 27 . (Hamka, 1989).

Puncak gunung yang jadi pasak itu dapat pula menghambat awan yang tengah berarak agar berkumpul membentuk mega, yang kian lama kian tebal mengandungi hujan. Akhirnya jatuhlah hujan dan mengalirlah hujan itu ke bawah. Air yang mengalir itu ditahan oleh kayu-kayuan yang lebat di hutan, lalu dia mencari jalan pengaliran tersendiri yang melahirkan puluhan batang sungai. Sebahagian air mengalir terus membasahi kulit bumi dan sebahagian lagi menyelinap ke dalam bumi, yang kelak akan menjadi telaga. Dalam susunan ayat ini terang sekali betapa erat pertalian gunung-gunung tinggi sebagai pasak bumi dengan hujan dan pengaliran air sungai dan timbulnya telaga-telaga. Dengan air itu, baik yang berupa sungai-sungai, atau berupa telaga-telaga atau air yang tergenang menjadi danau, manusia pun terjamin hidupnya, karena cukup air yang sejuk dan tawar.

7. Air Sebagai Simbol Kekuasaan Allah

Dalam banyak ayat, Allah menurunkan hujan, mengalirkan sungai, dan menahan laut. Hamka menekankan bahawa pengurusan air dalam alam adalah tanda kekuasaan dan keesaan Allah seperti surah al Naml ayat 61. (Hamka, 1989) maka dari air itulah pangkal hidup segala yang hidup, baik binatang atau tumbuh-tumbuhan dan suburlah alam termasuk sawah

bendang, berbagai kebun besar di tanah-tanah yang luas, yang ditanami oleh manusia dengan secara teratur menurut ilmu pengetahuan tentang bumi dan tanaman. Sehingga kita melihat di padang-padang pasir kebun korma di lembah yang hijau subur, kebun kelapa sawit, kebun getah, kebun nenas yang dikirim orang dari satu benua ke lain benua melalui lautan yang besar, yang yakni 'import dan export'. Agar manusia tidak lupa ditegaskan lagi lalu ditegaskan "Tidaklah ada upaya kamu buat menumbuhkan pohonnya." kerana mereka hanya menanam sedang yang menumbuhkan hanya semata-mata Allah s.w.t.

Kesuburan padi misalnya bergantung kepada pelbagai factor antaranya menanam pada musim hujan. Jika kemarau terjadi, atau perhitungan musim tidak tepat, padi sukar tumbuh dan hasil kurang lumayan. Demikian juga segala tanaman yang lain. Ini harus diinsafi oleh manusia. Sebab itu datanglah inti pertanyaan: "Adakah tuhan lain bersama Allah?" dan setelah manusia melihat peranan hujan membawa air untuk menyiram dan menyuburkan bumi sampai tumbuh kebun-kebun, sawah bendang dan taman-taman yang indah, pastilah sampai fikiran mereka menuntun kepada al Khaliq kerana tidaklah mungkin bahwa segala yang teratur ini tidak ada pengaturnya. Pencipta itu pastilah Maha Kuasa, sebab yang diciptakannya ini sangatlah hebat, dahsyat dan agung. Dari bekas yang diciptakan timbullah kesan tentang Kebesaran al Khaliq tadi. Apabila direnungi dengan akal yang cerdas timbul pula kesimpulan, bahwa tidaklah mungkin Yang Mencipta Alam itu berbilang. Pastilah penguasanya ini SATU TANGAN. Di sinilah timbul dengan sendirinya pertanyaan sebagai terlukis dalam ayat-ayat ini: "Adakah tuhan lain bersama Allah?" Pastilah jawabannya telah sedia dalam hasil fikiran yang murni hanya satu; "Tidak ada!". (Hamka, 1989). Masih terdapat ramai orang yang mengingkari keesaan Allah, golongan ini dianggap mendustai fikiran sendiri. Justeru akhir ayat sudah khabarkan: "Bahkan mereka adalah kaum yang berpaling." Yakni berpaling dari kebenaran, berpaling dari garis lurus logika fikiran, maka tersesatlah mereka itu dalam perjalanan hidup.

8. Air Dalam Naratif Qurani

Kisah Musa AS membelah laut seperti surah al Syuaraa' ayat 61, Nabi Ibrahim dan Hajar di Mekah dengan air Zamzam seperti dalam surah Ibrahim ayat 37, dan kisah Nuh AS seperti telah dinyatakan di atas tadi. Semuanya melibatkan peranan penting air. beliau menggunakan kisah-kisah ini untuk menunjukkan sebagai unsur penting dalam sejarah wahyu dan dakwah para rasul. (Hamka, 1989).

9. Peranan Air dalam perkembangan ilmu induk serta pelbagai cabang terutama ilmu duniawi yang bertunjangan al Quran surah Fatir ayat 27-30

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَمَرَاتٍ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا ۚ وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيَضٌ
وَحُمْرٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَعَرَايِبٌ سُودٌ

وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابِّ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ ۚ كَذَلِكَ ۖ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ ۗ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ غَفُورٌ

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ
لِيُؤْتِيَهُمُ اللَّهُ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ

Terjemahan: "Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengannya buah-buahan yang berlainan jenis dan warnanya? Dan di antara gunung-ganang pula ada yang berjalur-jalur putih dan merah, yang berlainan warnanya, dan ada pula yang hitam legam "Dan di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya)." "Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya hanyalah ulama. Sungguh, Allah Maha Perkasa, Maha Pengampun."Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan shalat dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka secara sembunyi atau terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi."

Berteraskan 4 ayat al-Quran ini, beliau menegaskan bahawa Allah s.w.t. menganjurkan manusia untuk merenung dan memperhatikan ciptaanNya khususnya fenomena hujan dan air. Yang mana air digambarkan sebagai sumber kehidupan, seperti yang dijelaskan dalam Surah al-Anbiya' di atas tadi. Hujan yang turun dari langit menjadikan bumi subur dan mengeluarkan pelbagai jenis buah-buahan dan tanaman. Semua ini adalah anugerah Allah SWT yang bergantung kepada turunnya hujan. Selain itu, manusia juga diajak memerhatikan keindahan gunung-gunung yang beraneka warna — putih, merah dan hitam — yang mencerminkan keagungan ciptaan Tuhan. Contoh diberikan termasuk pemandangan Grand Canyon National park (Amerika) (Hamka, 1989). dan Ngarai Sianok di Bukittinggi, yang menunjukkan keindahan dan keunikan ciptaan Allah s.w.t di muka bumi .(Hamka, 1989). Ia menjelaskan kekayaan ilmu pengetahuan yang dapat diperoleh melalui

pengamatan terhadap alam dan makhluk hidup. Melalui buah-buahan dan warna-warninya, timbul ilmu tentang tumbuh-tumbuhan, pertanian, dan teknik penyilangan. Warna Tanah dan batuan di gunung pula memberi petunjuk tentang kandungan mineral dan logam seperti besi, emas, dan tembaga. Ayat 28 menyebut tiga kelompok besar makhluk hidup di bumi: manusia, binatang melata, dan binatang ternakan. (Hamka, 1989)

Manusia pula disebut dalam pelbagai warna kulit, bangsa, dan tempat tinggal – yang menjadi kajian dalam geografi, etnologi, sosiologi, politik, antropologi, dan kebudayaan. Binatang melata merangkumi serangga, lipan, ulat, dan binatang liar, manakala binatang ternakan adalah kelompok ketiga yang penting dalam kehidupan manusia. (Hamka, 1989). Keseluruhannya, ayat ini menunjukkan kekayaan ciptaan Tuhan yang menjadi asas kepada pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Ia membincangkan kepelbagaian ciptaan Allah s.w.t seperti binatang ternakan, buah-buahan, gunung, lautan, langit, kembang, burung dan ikan yang memiliki pelbagai bentuk dan warna. (Hamka, 1989). Warna disebut berulang kali sebagai simbol keindahan dan kekayaan ciptaan Tuhan. Semua keindahan ini menjadi perhiasan bumi dan bertujuan menguji manusia dalam beramal. Akhirnya ditegaskan bahawa hanya orang berilmu yang benar-benar takut kepada Allah, kerana mereka menyedari keajaiban ciptaan-Nya. (Hamka, 1989). Ayat ini menegaskan bahawa hanya orang yang berilmu (ulama) yang benar-benar takut kepada Allah s.w.t. Kata "Innamaa" digunakan sebagai penegasan bahawa hanya mereka yang memiliki ilmu akan merasa takut, kerana rasa takut timbul dari pengetahuan yang mendalam tentang kebesaran dan kekuasaan Allah. Ilmu ini diperoleh melalui penyelidikan dan pengamatan terhadap alam sekitar yang penuh keajaiban—seperti hujan, gunung, dan makhluk hidup—semuanya menunjukkan kekuasaan Allah. Ketika ilmu dan ma'rifat (pengenalan terhadap Allah s.w.t) meningkat, maka rasa takut dan tunduk kepada Allah juga semakin dalam. Namun, walaupun manusia sering lalai dan berdosa, Allah tetap Maha Pengampun bagi mereka yang insaf dan kian banyak. (Hamka, 1989).

Hamka menekankan bahawa seorang 'alim sejati' bukan hanya diukur melalui banyaknya hafalan atau pengetahuan, tetapi melalui rasa takut (khasyyah) kepada Allah s.w.t. Kepatuhan kepada perintah-Nya, dan keyakinan akan pertemuan dengan-Nya. Pandangan mengenai para ulama seperti Ibnu Abbas r.a., Abdullah bin Mas'ud r.a, Imam Malik r.h. dan Sufyan ats-Tsauri r.h. menunjukkan bahawa ilmu yang hakiki adalah cahaya NUR dari Allah, bukan semata hafalan hadis atau hukum. (Hamka, 1989). Bahkan Sufyan ats-Tsauri r.h. membahagikan ulama kepada tiga golongan: 1. Yang mengenal Allah dan perintah-Nya – ini yang paling sempurna. 2. Yang hanya

mengenal Allah s.w.t – memiliki rasa takut tetapi tidak tahu perintah. 3. Yang hanya mengenal perintah – tahu hukum tapi tidak takut kepada Allah s.w.t (inilah yang banyak pada zaman kini) . (Hamka, 1989). Akhirnya, beliau juga menegaskan bahawa ‘alam juga merupakan guru’ dan dengan merenung ciptaan Allah s.w.t, hijab akan terbuka dan lahir rasa takut kepada-Nya . Hamka menjelaskan bahawa ulama sejati bukan sekadar orang yang tahu hukum agama secara terbatas bukan hanya yang mengaji kitab fiqh atau beruniform seperti ulama jubah dan serban. Bahkan, agama kadangkala terancam oleh golongan seperti ini yang berminda sempit dan fanatik termasuk terhadap pandangan sendiri . Beliau mengutip dan memetik ucapan almarhum Syaikh Muhammad Abduh r.h. yang mengkritik kerosakan agama akibat pengaruh simbolik luaran seperti serban, dan menekankan perlunya reformasi dalam pemahaman agama .(Hamka, 1989). Golongan ini sering kali tidak menyedari keterbatasan mereka, lalu menganggap bid’ah sebagai sunnah dan khurafat sebagai agama, serta mudah mengkafirkan orang lain. Ilmu yang dangkal disalahgunakan, menjadikan ulama sebagai semacam ‘tuan feodal agama’ .(Hamka, 1989). Sebagai penutup, disebut bahawa ulama sejati ialah pewaris para Nabi s.a.w. dan mereka perlu memenuhi tiga syarat agar ilmu mereka bermanfaat dan menumbuhkan rasa takut kepada Allah s.w.t (Hamka, 1989). — antaranya ialah: A membaca al-Quran dengan sebenar-benar bacaan seperti dijelaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 121."Orang-orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

Sependapat dengan Hamka ialah ilmuan kontemporari Dr Yusuf Abu A’wadah yang menegaskan bahawa berdasarkan surah Fatir ayat 27-30, Allah s.w.t. maksudkan ialah Ilmuan Biologi yang memiliki sifat sifat khauf dan khashyah, bukan kefahaman umum iaitu ahli tafsir dan masyarakat awam .

Tiga syarat utama bagi orang yang ingin "berniaga" dengan Allah s.w.t agar tidak rugi dijelaskan dalam ayat tersebut: 1. Membaca al-Quran dengan sebenar-benarnya, bukan sekadar bacaan bibir atau tanpa penghayatan. 2. Mendirikan solat dengan penuh kesedaran, agar jiwa sentiasa berhubung dengan Allah s.w.t. 3 Menafkahkan rezeki secara ikhlas, sama ada secara tersembunyi atau terang-terangan, untuk menjaga hubungan sesama manusia dan menghindari sifat bakhil. Dengan memenuhi ketiga-tiga syarat ini, Allah menjanjikan keuntungan besar dalam "perniagaan" ini — pahala yang berlipat ganda hingga tak terhingga. Allah s.w.t akan menyempurnakan pahala hamba-Nya sesuai janji, seperti satu amalan dibalas sepuluh hingga tujuh

ratus kali ganda, dan akan menambah lagi dari kemurahan-Nya. Walaupun manusia tidak lepas dari kelalaian, Allah SWT tetap Maha Pengampun dan menerima amal yang ikhlas walaupun kecil, serta Maha Mensyukuri amalan hamba-Nya .(Hamka, 1989).

10. Peranan air dalam pembangunan tamadun dan bandar-bandar utama dunia, khususnya melalui tafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan sungai, laut, hujan, dan rezeki dari bumi.

Walaupun beliau tidak menulis secara khusus tentang urbanisasi dalam konteks moden, beliau kerap menghubungkan air dengan kemajuan peradaban manusia, termasuk bandar-bandar besar di dunia dan seribu kisah kesabaran dan kemanusiaan ekoran bencana misalnya banjir, seperti berikut:

I. Sungai dan Tamadun Utama Bertaraf Dunia: Diantara contoh Sungai ialah Nil (Mesir) , Furat (Iraq), Tigris (Iraq) , Gangga (India), dan Yangtze (China) bahkan Kerajaan Sriwijaya dengan Sungai Musi dan Lematang . Darmasraya dengan sungai Batanghari . Kerajaan Pagaruyung dengan sungai Siak dan Kuantan . (Hamka, 1989). Dalam tafsir Surah Abasa ayat 24-32 dan Surah Al-Mursalat ayat 27, beliau menyatakan bahawa: “Sungai adalah sumber air yang menyebabkan tanah menjadi subur dan mendatangkan kehidupan. Di situlah berkembangnya pelbagai tamadun besar lahir di lembah sungai kerana air menjadi faktor utama kelangsungan hidup, pertanian, dan perdagangan .(Hamka, 1989)

Untuk melihat lebih lanjut sisi ini, mari kita layari beberapa Sungai Utama dan Bandar Besar Eropah dalam kitab tafsir ini. Beliau sering menghubungkan tafsir ayat-ayat al-Qur’an dengan realiti semasa dan sejarah peradaban dunia. Antara aspek yang menarik ialah peranan sungai dalam pembangunan bandar-bandar besar di Eropah seperti berikut:

II. Sungai sebagai Asas Tamadun dan Pusat Bandar: HAMKA menekankan bahawa dalam sejarah manusia, sungai merupakan asas kepada perkembangan tamadun dan pembinaan bandar-bandar besar. Dalam menafsirkan ayat-ayat yang menyentuh tentang air, sungai, dan kehidupan, beliau sering mengaitkannya dengan aktiviti ekonomi; pertanian dan penternakan. Antara keistimewaan sungai ialah memudahkan perdagangan dan perhubungan antara negeri dan negara. Contoh beberapa bandar utama Eropah dan sungai-sungainya. Beliau secara khusus menyebut beberapa bandar utama di Eropah yang berkembang pesat kerana kedudukannya di

tebing-tebing sungai besar, antaranya: Paris (Sungai Seine) yang berkembang menjadi ibu kota Perancis kerana terletak di tebing Sungai Seine yang subur dan strategik , London (Sungai Thames) yang membangun sebagai pusat empayar British dengan Thames menjadi nadi perdagangan, pengangkutan, dan pertahanan , Budapest (Sungai Danube), yang mana Hamka menyebut Danube sebagai sungai yang menghidupkan banyak bandar, termasuk Budapest, Vienna, dan Belgrade , Moscow (Sungai Moskva) sebagai ibu negara Rusia, juga dibangunkan di tepi sungai sebagai pusat politik dan ekonomi dan juga Rome (Sungai Tiber), yang menjadi pusat tamadun Barat dan empayar Rome .

III. Nilai Tadabbur dari Perspektif al-Qur'an: Dalam karyanya, HAMKA mengaitkan ini dengan ayat-ayat al-Qur'an terutama firman Allah ini "Dan Kami jadikan dari air segala sesuatu yang hidup."(Surah Al-Anbiya': 30) Menurut beliau, air bukan hanya sumber kehidupan secara biologis, tetapi juga pemangkin kepada pembentukan masyarakat, budaya dan tamadun. Kehebatan Eropah moden tidak dapat dipisahkan daripada 'keberadaan sungai' yang menjadi tunjang pembangunan (Hamka, 1989).

IV. Bandingan dengan Dunia Islam: HAMKA juga membandingkan dengan dunia Islam seperti di Mesir (Sungai Nil) dan Iraq (Sungai Furat dan Dijlah) serta Sungai padang pasir di Libya yang disebut sebagai contoh tamadun Islam yang besar dan turut berkembang di tepi sungai . Namun, beliau menegaskan bahawa umat Islam tidak boleh sekadar bergantung pada sejarah, tetapi mesti kembali kepada al-Qur'an dan ilmu pengetahuan sebagai asas pembangunan moden .

V. Sungai di bumi Indonesia: Ratusan batang sungai utama di 4 kepulauan besar di bumi Indonesia iaitu Jawa, Kalimantan, Papua, Sulawesi dan Sumatera .

KESIMPULAN

HAMKA menegaskan bahawa sungai melambangkan rahmat dan kehidupan, menjadi asas peradaban, ekonomi, dan tanda kebesaran Allah SWT. Sejarah menunjukkan banyak bandar besar berkembang kerana air, tetapi akan musnah jika disalah urus. Ali Muhammad al-Solabi turut menyokong

pandangan ini dengan menekankan air sebagai mukjizat yang menghidupkan seluruh alam. Oleh itu, pengkaji perlu memahami naratif al-Quran tentang air dalam konteks moden selari dengan Maqasid Quraniah. Air amat penting bagi kehidupan dan peradaban Indonesia, menjadi sumber rezeki, budaya dan spiritual, namun menghadapi cabaran seperti kekurangan dan pencemaran yang perlu ditangani dengan bijaksana, terancang dan berterusan. Air di Indonesia mempunyai makna rohani, simbolik dan ekonomi yang penting, termasuk dalam pertanian, perikanan dan pelancongan. Namun, negara ini berdepan krisis air akibat perubahan iklim, pembandaran, pencemaran serta kekurangan akses kepada air bersih, khususnya di luar bandar. Bagi masa depan, Indonesia perlu mengurus sumber air secara mampan, memperluas kemudahan sanitasi, serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penggunaan air yang bertanggungjawab.

RUJUKAN

Al-Quran

- Al Albaani M.N. (2002). *Silsilat al Ahadis al Sahihah*. Riyad: Maktabah al Ma'rif.
- Al Fakhru, A.R. (1981). *alTafsir al Kabir wa Mafatih Ghaib*. Cambridge: The Roval Aal al-Bayt Institute for Islamic Thought.
- Azhari, H. N. (2021). *Air Dalam Tafsir Al-Azhar (Kajian Ayat Siklus Air dengan Pendekatan Hidrologi)*. Retrieved from: <https://repository.iiq.ac.id/handle/123456789/1395> on August 2nd, 2025. (Iffaty Zamimah Hilma Nurlaila Azhari Jun 2022)
- Chikamori, H., Heng, L., & Trevor, D. (2012). *Catalogue of Rivers for South East Asia and the Pacific*. Jakarta: UNESCO-IHP.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 1)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 2)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 5)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 7)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 8)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 9)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Hamka. (1989). *Tafsir al Azhar (Jilid 10)*. Singapura: Perpustakaan National.
- Kehl, J. R. (2017). *Water Security In Transboundary Systems: Cooperation In*

Intractable Conflicts And The Nile System. In J. A. Cahan (Ed.), *Water Security in the Middle East: Essays in Scientific and Social Cooperation*. London: Anthem Press.

Namri Sidek (2019). Sejarah Migrasi Besar-Besaran Orang Cina ke Tanah Melayu. <https://iluminasi.com/writer/6>.

Qutb. S. (n.d). *Fi Zilal al Quran*.

Rujukan dalam Talian

A Glimpse on evolving the Iraqi ports, Umm Qasr berths No. 25, 26, and 27. (2020, November 3rd). Video. Youtube. <https://youtu.be/18-8kJQ85gA>.

A Journey To The Source Of The Nile River. From Uganda To Egypt. (2020. February 7th). Video. Youtube. <https://youtu.be/jCzUV4pzACo>.

Banjir Luapan Sungai Lematang Lumpuhkan Aktivitas Warga | Kabar Utama tvOne.

(2025, March 7th). Video. Youtube. <https://youtu.be/aWL5-SiKtM0>.

Basra's Umm Qasr port key to Iraq's trade infrastructure. (2025, May 28th). Video. Youtube. https://www.youtube.com/shorts/01_Bd0lhjGg?feature=share.

Colorado River, I am Red. (2013, April 17th). Video. Youtube. <https://youtu.be/mqYcC7jEe44>.

Colorado River in Grand Canyon, Arizona. (2025, June 2nd). Video. Youtube. <https://www.youtube.com/shorts/4nDTVWQJCIg?feature=share>.

Danube (n.d). Wikipedia. <https://en.wikipedia.org/wiki/Danube>.

Egypt is Building a \$9.7BN New Nile Delta. (2023, August 11th). Video. Youtube. <https://youtu.be/Ogsfn1D6xJw>.

Euphrates dries up. Is apocalypse awaited?. (2023, March 29th). Video. Youtube. <https://youtu.be/3FfEI7Y8ZUk>.

Fahal Min Muddakir (n.d). Fahal Min Muddakir. <https://www.facebook.com/reel/981736590449746>.

Jalur. (2025, Jun 1st). <https://youtu.be/lvW3UQglhJ0>.

Legenda Asal Usul Sungai Batang Kuantan (Sungai Indragiri) - Awal Mula Tradisi Pacu. (2025, June 1st). Video. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=lvW3UQglhJ0>.

More Than A View - Grand Canyon In Depth Episode 01. (2013, December 17th). Video. Youtube. https://youtu.be/_hoGpYyn4Bs.

- Moskva River (n.d). Wikipedia. [https://en.wikipedia.org/wiki/Moskva_\(river\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Moskva_(river)).
- Penemuan Emas Di Sungai Furat Yang Semakin Mengering? Gold in the furat river. (2022, November 12th). Video. Youtube. <https://youtu.be/p6d1JbfoimQ>.
- Ports of Basra (2022, April 7th). Video. Youtube. <https://youtu.be/JbseVEF5Cvg>.
- Renewal - A Reborn Colorado River Once Again Finds Her Path to the Sea. (2014, July 25th). Video. Youtube. <https://youtu.be/TODV7FW746s>.
- Running the Grand Canyon Tonto Trail - Better than Rim-to-Rim?. (2023, November 26th). Video. Youtube. <https://youtu.be/CARZJGAL2RY>.
- River Thames (n.d). Wikipedia. https://en.wikipedia.org/wiki/River_Thames.
- Sein (n.d). Wikipedia. <https://en.wikipedia.org/wiki/Seine>.
- Sungai Terdalam Di Indonesia, Sungai Siak Pekanbaru. (2021, November 11th). Video. Youtube. <https://youtu.be/XWDv4OOEjEw>.
- The Euphrates River. (2025, February 2nd). Video. Youtube. <https://youtu.be/zrk1PIVHIgE>.
- The Grand Canyon is the iconic heart of the Colorado River. (2023, May 22nd). Video. Youtube. <https://www.youtube.com/shorts/jaYZZVJnlCQ?feature=share>.
- The Nile River Explained in under 3 Minutes. (2022, October 30th). Video. Youtube. <https://youtu.be/iJhqKwM9JIs>.
- Tiber (n.d). Wikipedia. <https://en.wikipedia.org/wiki/Tiber>.
- Why Is The Strait of Malacca So Important to the World? (n.d.). Video. YouTube. https://youtu.be/N22Yx_gnII4.